



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "HIKMAH DI SEBALIK PERJANJIAN HUDAIBIAH"

2 Julai 2021 / 21 Zulkaedah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّمِّيَا بِالْحَقِّ لِتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ  
رُءُوسِكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا

(Surah Al-Fath ayat 27)<sup>2</sup>

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar RasulNya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Haraam - insya Allah (pada masa yang ditentukanNya) - dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah menengguhkan berlakunya kenyataan itu) kerana Ia mengetahui (adanya faedah dalam penangguhan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka Ia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita berada pada minggu ketiga bulan Zulkaedah. Pada bulan Zulkaedah tahun 6 Hijrah, peristiwa penting dalam sejarah Islam, Perjanjian Hudaibiah telah dimeterai. Diriwayatkan,

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



pada satu malam pada akhir Zulkaedah, Rasulullah SAW bermimpi, Baginda dan para sahabat telah ke Mekah, memasuki Mekah, mengerjakan haji, menyembelih korban, bercukur kepala dan membuka Kaabah dengan selamat tanpa tentangan atau gangguan daripada seorang pun kaum musyrikin Mekah. Selepas solat Subuh berjemaah keesokan harinya, Rasulullah SAW menceritakan mimpi tersebut kepada para sahabat.

### **Kaum Muslimin yang dimuliakan,**

Baginda disertai 1400 para sahabat, 200 orang Arab Badwi dan 100 orang wanita dan kanak-kanak lalu berangkat ke Mekah untuk menunaikan Rukun Haji. Namun perjalanan Baginda dan rombongan dihalang oleh pihak kafir Musyrikin Mekah, di Hudaibiah, sebuah desa yang terletak 30 kilometer dari Mekah.

Halangan oleh kafir Musyrikin Mekah hampir mencetuskan peperangan antara kedua-dua pihak. Namun Budail bin Warqa', ketua kaum suku Khuza'ah yang turut hadir untuk urusan menunaikan haji ke Mekah, telah mengusahakan perdamaian antara kaum musyrikin dan rombongan Rasulullah SAW; lalu termeterailah perjanjian perdamaian yang dikenali sebagai Perjanjian Hudaibiah, perjanjian yang amat bermakna dalam perkembangan siasah dan perkembangan dakwah Rasulullah SAW.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,**

Berpandukan Perjanjian Hudaibiah, Rasulullah SAW bersama 1700 orang anggota rombongan terpaksa menangguhkan hasrat menunaikan Rukun Haji, begitu juga hasrat untuk mengorbankan 70 ekor unta di Mina. Baginda dan rombongan terpaksa berpatah balik ke Madinah meskipun telah berada hanya 30 kilometer dari Mekah. Demikian takdir yang disuratkan oleh ILAHI yang Maha Mengetahui.

Pada tahun ini, disebabkan pandemik virus Covid-19, buat kali kedua, umat Islam di Malaysia, begitu juga umat Islam daripada negara-negara lain tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa haji di Saudi Arabia untuk menunaikan Rukun Haji. Amatlah difahami rasa hampa dan rasa kecewa ramai umat Islam yang sangat berhasrat, dan telah melakukan persiapan untuk menunaikan Rukun Haji.

Namun kekecewaan dan rasa hampa kita, tidaklah se pahit pengalaman yang dialami oleh Rasulullah SAW bersama rombongan pada tahun enam Hijrah. Rombongan Rasulullah SAW mengalami perjalanan yang lebih mencabar dari Madinah ke Mekah, dengan jenis kenderaan yang terhad, dan bentuk kemudahan yang terbatas. Setelah berada begitu hampir dengan



Mekah, mereka terpaksa berpatah balik ke Madinah. Begitulah ujian Ilahi, Allah SWT juga yang Maha Mengetahui apa juga yang tersirat di sebalik yang tersurat.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Rasulullah SAW menghadapi kekecewaan yang dialami dengan tabah dan sabar malah meningkatkan iman dan takwa. Baginda melakukan pengorbanan besar. Baginda tidak menggunakan emosi atau bersifat ego, di sebaliknya mempamerkan sifat sedia beralah, melangkah setapak ke belakang demi menjaga keselamatan dan nyawa ahli-ahli rombongan, dan demi memastikan untuk jangka panjang akan berlaku kedamaian dan keamanan yang lebih menguntungkan ummah.

Dalam perjalanan pulang, setibanya di Dhahnan, Allah SWT telah menurunkan surah Al-Fath yang mengisahkan peristiwa yang telah berlaku. Surah tersebut disambut dengan penuh kegembiraan oleh Rasulullah SAW, lalu Baginda menganjurkan semua ahli rombongan menghafal surah tersebut. Allah SWT menyifatkan Perjanjian Hudaibiah sebagai (Fathan Mubina) bermaksud, kemenangan yang tampak dan membenarkan RasulNya, bahawa Nabi SAW terbukti membuat satu keputusan dengan tidak mengikut emosi atau hawa nafsu. Firman Allah SWT dalam surah An-Najm ayat 3 - 4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ ۝۳ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ ۝۴

Maksudnya: Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Kesimpulan daripada peristiwa Hudaibiah:

**Pertama;** Umat Islam hendaklah menerima sesuatu kekecewaan dengan tenang, sabar dan tabah, dengan semangat redha kepada ketentuan Ilahi, bahawa manusia merancang, Allah juga penentu segala-galanya. Setiap kekecewaan hendaklah ditafsirkan sebagai ujian untuk meningkatkan iman dan takwa, agar kita terus berdoa dengan penuh tawakal kepada Allah untuk mempertemukan kita dengan hikmah yang terkandung di sebalik sesuatu kejadian; firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 216:



وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Bermaksud: Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.

**Kedua;** Ketika berhadapan ancaman dan keadaan yang memudaratkan, hendaklah digunakan kebijaksanaan akal dan bukannya emosi, pilihlah laluan dan ketetapan yang menghindarkan pengikut daripada menjadi mangsa meskipun terpaksa berundur sebentar daripada tujuan dan niat asal.

**Ketiga;** Ketika menghadapi konflik yang berat, keputusan berundur daripada bertempur tidak bererti ketewasan. Sifat bijak, sabar, tidak angkuh dan merendah diri Rasulullah SAW, meskipun kelihatan pada zahirnya mengalah, tetapi akhirnya memberikan kemenangan lebih agung kepada ummah hingga Islam tersebar luas ke serata dunia; seperti yang dinaskan dalam surah An-Nasr (pertolongan) ayat 1 - 3, manakala dalam surah yang lain Allah menerangkan bahawa di sebalik kesusahan ada kesenangan; firmanNya dalam surah Al-Sharh ayat 6:

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Bermaksud: Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلءَ الْأَرْضِ، وَمِلءَ مَا بَيْنَهُمَا وَمِلءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٦</sup> وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>٧</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Bagi jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau yang dibenarkan untuk hadir solat berjemaah, hadirlah dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>٨</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>٩</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.